



MALAYSIAN INCOME TAX REPORTING SYSTEM (MITRS)

Platform Dalam Talian Bagi Penghantaran Helaian Kerja Percukaian Secara Elektronik

Dibangunkan Mengikut Standard Antarabangsa Bagi Penyediaan dan Perkongsian Laporan Perniagaan Digital
Menggantikan Laporan Berasaskan Kertas Berdasarkan Format XBRL (eXtensible Business Reporting Language)

Akses ke MITRS adalah menggunakan sijil digital e-Filing :

- Individu / Pemegang Sijil Organisasi
- Ejen Cukai

Kaedah Penyediaan dan Penghantaran Helaian Kerja Percukaian Melalui MITRS :

FILL IN THE WEB FORM

- 1 - Isi helaian kerja percukaian berkaitan secara dalam talian.
- 2 - Pengguna perlu membuat validasi data dalam talian sebelum tandatangan dan hantar.
- 3 - Setelah validasi, penghantaran boleh dilakukan menggunakan sijil digital.
- 4 - Sistem akan menjana QR Code sebagai pengesahan penerimaan.

IMPORT INSTANCE

Muat turun fail Taxonomy HASiL dan jana *instance* (salinan tunggal) melalui dua (2) kaedah :

- 1 - XBRL Tools, atau
- 2 - Perisian khas yang dibangunkan sendiri
- 3 - Muat naik *instance* ke dalam MITRS.
- 4 - Pengguna perlu membuat validasi data dalam talian sebelum tandatangan dan hantar.
- 5 - Setelah validasi, penghantaran boleh dilakukan menggunakan sijil digital.
- 6 - Sistem akan menjana QR Code sebagai pengesahan penerimaan.

1. ELAUN MODAL

Dalam menentukan pendapatan larasan perniagaan, tiada potongan dibenarkan bagi perbelanjaan yang dilakukan ke atas aset atau susut nilai aset.

Potongan cukai diberikan dalam bentuk Elaun Modal (EM) sebagai ganti kepada perbelanjaan susut nilai bagi pembelian aset yang digunakan di dalam perniagaan, dalam menentukan pendapatan statutori bagi suatu punca perniagaan.

EM hanya diberikan kepada orang yang melakukan Perbelanjaan Yang Layak (PYL) ke atas aset yang digunakan untuk tujuan perniagaannya seperti yang diperuntukan di bawah Jadual 3, Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 dan hanya diberikan potongan jika dituntut.

EM diberi dalam bentuk Elaun Permulaan dan Elaun Tahunan.

Maklumat lanjut berkaitan EM dan elaun-elaun yang berkaitan dengannya boleh dirujuk di Portal Rasmi HASiL : www.hasil.gov.my > Perundangan > Ketetapan Umum :

- 1 - No. 5/2014 : Pemilikan Dan Penggunaan Aset Bagi Tujuan Tuntutan EM
- 2 - No. 12/2014 : Loji Dan Jentera Yang Layak Bagi Tuntutan EM
- 3 - No. 6/2015 : Perbelanjaan Yang Layak Dan Pengiraan EM

2. e-PELARIAN CUKAI

Sistem e-Pelarian Cukai merupakan sebuah platform bagi orang awam untuk membuat aduan berkenaan pelarian cukai terhadap individu atau syarikat yang melakukan kesalahan pelarian cukai.

e-Pelarian Cukai juga merupakan salah satu langkah HASiL untuk menggalakkan penglibatan orang awam dalam membanteras pelarian cukai melalui penyaluran maklumat yang lebih sistematik dan pantas. Ia boleh diakses melalui pautan berikut :

<https://epelariancukai.hasil.gov.my/taxevasion/aduan>.

Terdapat beberapa kategori pelarian cukai telah ditetapkan bagi memudahkan pelaporan iaitu :

- 1 - Jualan terkurang lapor / tidak lapor,
- 2 - Belian terlebih tuntutan / palsu,
- 3 - Perbelanjaan palsu / terlebih tuntutan / persendirian,
- 4 - Aset / hartanah yang tinggi,
- 5 - Tidak menghantar Borang Nyata Cukai Pendapatan / tidak patuh; dan
- 6 - Isu-isu teknikal cukai.

Maklumat yang diterima dan identiti pemberi maklumat diklasifikasikan sebagai SULIT di bawah Seksyen 138, ACP 1967.

3. SEMINAR PERCUKAIAN KEBANGSAAN 2023

HASiL akan menganjurkan Seminar Percukaian Kebangsaan (SPK) 2023 pada 18 dan 19 Oktober 2023.

Acara tahunan ini merupakan medium kepada semua pengamal percukaian termasuk rakyat Malaysia yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang maklumat terkini dan mendengar ulasan daripada pakar percukaian mengenai topik-topik menarik seperti yang berikut:

- 1 - TOPIK 1: Cadangan Bajet 2024
- 2 - TOPIK 2: Pelaksanaan e-Invoicing di Malaysia: Mekanisma dan Manfaat Kepada Rakyat

Pendaftaran seminar boleh dibuat melalui <https://spk.hasil.gov.my> mulai 18 Ogos 2023 sehingga 14 Oktober 2023.

4. INFO PKPS 2.0 : SIAPA TIDAK LAYAK ?

PKPS 2.0 ini tidak terpakai kepada pengakuan sukarela yang melibatkan kes :

- 1 - Tindakan audit ke atas pembayar cukai telah bermula bagi tahun-tahun taksiran yang terlibat;
- 2 - Tidak kena cukai, taksiran kurangan atau cukai kena dibayar balik (repayment) kecuali bagi kes harga pindahan; atau
- 3 - Tindakan siasatan telah dimulakan atau prosiding pendakwaan susulan daripada siasatan telah difailkan di mahkamah berdasarkan peruntukan di bawah ACP 1967, ACKHT 1976, AS 1949 atau Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001.

Maklumat lanjut berhubung PKPS 2.0 boleh diperoleh daripada Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my di bawah menu Pautan Popular.

WASPADA DENGAN SCAMMER:

SENTIASA PEKA DENGAN HEBAHAN DAN PEMAKLUMAN YANG DISAMPAIKAN OLEH PIHAK BERKUASA BAGI MENGETAHUI MODUS OPERANDI TERKINI YANG DIGUNAKAN OLEH SCAMMER.

BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA.

MANDATORI PENGUNAAN e-PERKHIDMATAN SECARA BERPERINGKAT

Sejajar dengan transformasi teknologi dan pendigitalan sistem perkhidmatan percukaian serta komitmen bagi meningkatkan tahap perkhidmatan pelanggan, HASiL akan mewajibkan penggunaan e-Perkhidmatan bagi perkhidmatan yang telah disediakan secara dalam talian melalui Portal MyTax mulai 1 Januari 2024.

Pelaksanaan dibuat secara berperingkat yang mana Fasa 1 dimulakan pada 1 September 2023 bagi mempersiapkan pembayar cukai untuk beralih kepada penggunaan e-Perkhidmatan sepenuhnya tahun hadapan.

Maklumat lanjut berhubung perkara ini boleh dirujuk di Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my.